

PERASMIAN ANJUNG UniMAP KULIM



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) maju selangkah lagi melalui penubuhan pejabat perwakilan UniMAP yang kedua iaitu Anjung UniMAP Kulim yang terletak di Kulim Business Centre yang mana penubuhannya adalah selaras dengan amalan di negara-negara maju iaitu membudayakan pendidikan yang berorientasikan industri.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, penubuhan Anjung UniMAP Kulim ini menjadi pelengkap kepada Anjung UniMAP Kuala Lumpur yang bukan sahaja memikul beban untuk menguruskan urusan promosi UniMAP, sebaliknya ia juga berperanan sebagai one stop centre untuk mendekatkan hubungan antara UniMAP dan industri di bawah pengurusan Kulim Hi-Tech Park (KHTP).

Menurut beliau, Anjung UniMAP Kulim yang memulakan operasi tidak rasminya sejak November tahun lalu dengan kekuatan anggota pentadbiran seramai 4 orang kini telah bersedia sepenuhnya untuk menggerakkan pejabat perwakilan ini berteraskan misi dan visi yang telah digariskan.

"Dengan tertubuhnya Anjung UniMAP Kulim ini, diharap dapat memberikan cabaran kepada kerjasama erat yang mampu dijalin dengan pelbagai industri di sekitar Pulau Pinang dan Selatan Kedah. Pejabat ini akan menjadi pusat pertemuan dan penyelarasan operasi kerjasama industri, promosi serta kursus-kursus pendek UniMAP yang akan dioperasikan oleh Pusat Kerjasama Industri," katanya ketika berucap di Majlis Perasmian Anjung UniMAP Kulim.

**Ungkap selesa dipapar madah,
Tamsil waruna kenal kelalang,
Anjung UniMAP tersergam indah,
Pemangkin pendidikan industri gemilang.**

Majlis perasmian disempurnakan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajudin Jamalullail, Tuanku Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP. Turut berangkat hadir DYTMs Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khaleel, Tuanku Raja Puan Muda Perlis merangkap Pro-Canselor UniMAP.



Pada majlis perasmian itu juga, turut diadakan majlis menandatangani perjanjian MoU dan MoA dengan lima agensi iaitu SME Corporation, Kulim Technology Park Corporations (KTPC), Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Celcom (M) Bhd. dan C-Rad Technologies Sdn. Bhd. Perjanjian dengan SME Corporation bakal membolehkan program pembelajaran berasaskan konsultansi untuk menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan sebaik sahaja tamat pengajian. SME Corporation berperanan mempromosikan program tersebut di kalangan Enterprise Kecil Sederhana (EKS),



menilai dan memilih EKS, menyediakan khidmat nasihat pakar dan membiayai elaun pelajar. Kerjasama UniMAP-SME Corporation ini tidak jauh beza dengan kerjasama UniMAP-Celcom yang mempunyai satu matlamat yang sama iaitu melatih dan membimbing mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan secara aktif.

Manakala perjanjian dengan KTPC pula bakal membolehkan UniMAP menjalankan kerjasama lebih erat antara universiti dan industri merangkumi bidang khidmat nasihat, penyediaan bahan-bahan latihan, penawaran kursus jangka pendek selain membolehkan pelajar-pelajar UniMAP menjalani kursus jangka pendek di sektor industri di bawah pengurusan KTPC.



Bagi kerjasama UniMAP – NCIA pula, kedua-dua pihak akan bekerjasama membangunkan teknologi pertanian berasaskan kejuruteraan kreatif yang bakal membantu melipatgandakan lagi hasil pertanian, manakala kerjasama dengan C-RAD pula membolehkan kedua-dua pihak membangunkan dan mengkomersialkan sistem penerima (sensor) pelbagai aplikasi.

Adalah diharapkan, dengan kewujudan Anjung UniMAP Kulim ini akan menjadi pemangkin ke arah pembangunan sumber manusia dalam sektor industri.

